

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
(Pengkalan Chepa)**

TARIKH : 27.10.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 18

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan jalan-jalan kampung yang akan di naik tarafkan bagi tahun 2014 dan 2015 di Parlimen Pengkalan Chepa.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 Kementerian telah melaksanakan 16 projek menaik taraf jalan-jalan kampung di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa dengan peruntukan berjumlah RM755,500.00. Manakala pada tahun 2015 jalan-jalan kampung yang akan dinaik taraf di Parlimen Pengkalan Chepa belum dimuktamadkan.

SOALAN (19)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 OKTOBER 2014
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN
[TANJONG MALIM]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah perancangan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu golongan muda untuk memiliki rumah mereka sendiri, terutamanya di kawasan bandar memandangkan harga rumah di kawasan bandar adalah amat tinggi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program perumahan yang telah disediakan khusus untuk golongan muda adalah seperti berikut :

(1) Program Rumah Transit

Program Rumah Transit dilaksanakan khas untuk golongan muda yang baru berkahwin mempunyai kediaman. Golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan dan berumur tidak lebih 30 tahun layak untuk dipertimbangkan bagi program ini. Golongan ini akan mendiami rumah transit dalam tempoh 2 tahun sebelum mampu membeli rumah sendiri.

(2) Skim Rumah Pertamaku

Membolehkan golongan muda untuk mendapatkan pembiayaan sehingga 100% daripada institusi kewangan untuk membeli rumah

pertama tanpa perlu membayar 10% wang pendahuluan. Nilai maksimum hartanah adalah berjumlah RM400,000. Had maksimum pendapatan yang layak memohon skim ini adalah RM5,000 bagi peminjam perseorangan dan RM10,000 bagi peminjam bersama.

(3) Skim MyHome

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) telah dilancarkan secara rasmi pada 1 April 2014. Skim ini memberikan insentif RM30,000 kepada golongan muda berpendapatan sekitar RM3,000 hingga RM6,000 yang masih belum mempunyai rumah untuk membeli rumah kos sederhana rendah dan kos sederhana dalam lingkungan yang telah ditetapkan. Insentif RM30,000 tersebut adalah termasuk duit pendahuluan sebanyak 10% daripada harga rumah yang perlu dibayar oleh pembeli apabila mereka menandatangani Perjanjian Jual dan Beli. Ini secara tidak langsung dapat membantu golongan muda membeli rumah *MyHome* kerana mereka tidak perlu mengeluarkan duit pendahuluan tersebut.

Pada tahun ini sahaja, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Sehingga kini, sebanyak 4,924 unit buah rumah (1,924 unit *MyHome 1* (harga dibawah RM 120,000)) dan (3,000 unit *MyHome 2* (harga di bawah RM 250,000) permohonan projek telah diluluskan kepada pemaju di negeri-negeri seperti berikut :-

- (a) Selangor – Sungai Buloh, Damansara;
- (b) Melaka – Melaka Tengah;
- (c) Johor – Johor Bharu;
- (d) Perak – Perak Tengah, Batang Padang;
- (e) Sabah – Tuaran, Lahad Datu; dan
- (f) Sarawak – Kuching, Sibul.

(4) Skim Perumahan Belia

Dalam pembentangan Bajet 2015, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Skim Perumahan Belia yang menawarkan pemilikan rumah

pertama yang bernilai tidak melebihi RM500 ribu kepada belia yang telah berkahwin berumur antara 25 hingga 40 tahun serta mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10 ribu dengan tempoh pembiayaan maksimum selama 35 tahun. Skim ini dilaksanakan secara perkongsian pintar di antara Kerajaan, Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Cagamas.

Selain itu, golongan muda juga layak memohon dalam program-program lain yang telah disediakan oleh Kerajaan seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).